

Geologi pemuliharaan: kajian kes Kompleks Migmatik Stong

TANOT UNJAH

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Batuan Kompleks Migmatik Stong merupakan batuan yang satu-satunya terbentuk melalui proses injeksi magma di Kelantan dan merupakan salah satu daripada dua yang terdapat di Malaysia. Kehadiran batuan ini menunjukkan kepelbagaian yang tinggi dari segi hasil aktiviti dalaman dan luaran. Berdasarkan kajian terhadap kepelbagaian fitur dalaman dan luaran batuan Kompleks Migmatik Stong mempunyai nilai saintifik dan estetik tinggi. Kajian khas di geotapak batuan leukogranit Kenerong mendapati batuan ini mempunyai 6 kepelbagaian batuan, 4 kepelbagaian struktur dan 7 kepelbagaian geomorfologi dan fitur rupabumi. Kepelbagaian batuan terdiri daripada syis kuarza biotit, leukogranit, granit, granodiorit, granit feldspar alkali dan granitoid kaya kuarza. Kepelbagaian struktur pula terdiri daripada telerang, kekar, sesar dan zenolit manakala kepelbagaian geomorfologi dan fitur rupabumi dicirikan oleh lembah curam, cerun, air terjun, tebing curam, bongkah igneus membulat, fitur pengelupasan dan fitur lubang periuk. Kehadiran fitur rupabumi tebing curam di geotapak ini telah membentuk air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara. Keseluruhan batuan Kompleks Migmatik Stong

dicadangkan untuk dipelihara sebagai Taman Geologi Kompleks Migmatik Stong manakala Geotapak leukogranit Kenerong ini telah dicadangkan dipelihara sebagai tapak terpelihara di bawah Akta Perhutanan (1982).